

AKHBAR : BERITA HARIAN

PENEMPATAN HARAM WARGA ASING DI PUSAT KUSTA

Jaminan roboh hanya 'janji palsu'

➔ Pencerobohan makin berleluasa, premis jadi tempat maksiat

Oleh Azrul Affandi Sobry

azr@bh.com.my

► Sungai Buloh

Jaminan perobohan rumah bekas pesakit Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) di sini, yang diceroboh dan didiami warga asing, umpama 'janji palsu' kerana tiada tindakan diambil selepas enam bulan berlalu.

Pencerobohan bukan setakat berleluasa dengan warga asing mendiami rumah berkenaan dan mengguna bekalan air pusat itu untuk kegunaan nurseri, malah tinjauan terkini *BH* mendapati ada premis di situ dijadikan tempat maksiat.

Sumber ditemui *BH*, mengakui tiada sebarang langkah perobohan digerakkan mana-mana agensi bagi menghentikan pencerobohan terhadap bekas rumah pesakit kusta, meskipun Kementerian Kesihatan berjanji mengambil langkah tegas itu.

Selain bekas rumah pesakit yang rosak dan kosong didiami, beberapa kediaman berhampiran Klinik Kusta yang masih elok kini turut diceroboh warga asing.

Dalam tinjauan terkini, *BH* mendapati, setiap rumah bekas pesakit yang diceroboh dilengkapi bekalan air dan elektrik, walaupun penghuninya berbeza berbanding ketika tinjauan pada Januari lalu.

Ketika tinjauan terhadap beberapa rumah di situ, tidak kurang 10 warga Indonesia bertempiran melarikan diri, mungkin menyangka serbuan pihak berkuasa, namun ada yang memberanikan diri untuk berbual.

"Kami tidak sewa rumah ini. Tauke (pemilik nurseri) di hujung sana suruh kami tinggal di sini

kerana bekerja dengannya. Kami pun baru di sini, tidak tahu apa-apa sangat," dakwa seorang warga asing sebelum dia juga lari ke hutan di belakang rumah di situ.

Jadi rumah urut

Lebih memeranjatkan, ada wanita Indonesia menjadikan sebuah rumah berhampiran klinik kusta sebagai rumah urut.

Ketika ditanyakan mengenai kegiatan warga Indonesia di situ dalam tinjauan Januari lalu, wanita terbabit mengaku menyediakan khidmat urutan dan tambahan kepada lelaki yang mahu mendapatkan khidmatnya tetapi perlu datang pada waktu malam.

Wanita terbabit bersendirian, mencerooboh beberapa rumah di situ sejak dua tahun lalu sebelum secara tetap mendiami rumah bernombor 493 yang terletak di sebelah kanan klinik kusta.

Ketika tinjauan terkini, turut kelihatan beberapa warga Indonesia suami isteri bersama anak kecil dan bayi di situ.

Ketika perkembangan semasa dirujuk untuk ulasan, PKKN dan Hospital Sungai Buloh (HSB) memberikan maklumat berbeza.

Sumber PKKN mendakwa, tiada sebarang usaha ke arah merobohkan semua premis terbiar di situ seperti dihebahkan, meskipun pencerobohan terus berleluasa.

Sementara itu, sumber HSB berkata, mesyuarat bersama peibagai pihak perlu diadakan bagi mencari penyelesaian cadangan perobohan di situ, kerana Jabatan Warisan Negara (JWN) mahu mewartakan

seluruh kawasan pusat itu sebagai warisan.

"JKR dan Kementerian Kesihatan sudah bersedia memberi kelulusan dan kerja perobohan boleh dibuat pada bila-bila sama, tetapi masalahnya JWN mahu ia dkekalkan untuk dinaik taraf sebagai warisan negara," katanya.

Laporan *BH* secara bersiri pada Januari lalu, membongkar tindakan warga asing, termasuk pendatang tanpa izin menjadikan bekas rumah pesakit pusat itu yang terbiar sebagai penempatan serta nurseri haram, menyebabkan PKKN menanggung bil air sehingga hampir RM110,000.

Simpulan pendedahan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, dilaporkan berkata, semua rumah terbiar dalam kawasan PKKN yang dikosongkan bekas pesakitnya, sama ada berpindah keluar atau meninggal dunia, akan dirobohkan.

Roboh langkah paling sesuai

Subramaniam berkata, tindakan meroboh kediaman kosong itu langkah paling sesuai, mengelak ia terus diceroboh pihak tidak bertanggungjawab selepas mengenal pasti terlebih dahulu kawasan PKKN yang disenaraikan sebagai warisan negara mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Mengikut rekod penempatan PKKN, hanya dua rumah di bahagian depan di situ bernombor 490 dan 503 masih didiami dua pesakit, manakala selebihnya sudah dikosongkan sama ada kerana sudah meninggal dunia atau dipindahkan ke dalam wad.

AKHBAR : BERITA HARIAN



Pencerobohan di tepek bekas rumah pesakit kusta di Sungai Buloh yang dirakamkan pada 2 Januari 2016.



Tinjauan BH mendapati rumah yang didiami usarga asing di Pusat Kusta Negara, Sungai Buloh masih belum dibekukan.



Kediaman bekas pesakit Pusat Kawalan Kusta Negara yang dipercayai dijadikan rumah urut oleh pendatang asing yang membentuk koloni di situ.

AKHBAR : BERITA HARIAN

Pendapatan sehingga RM6,000 hasil mengemis

Shah Alam: Pendapatan lumayan antara faktor mendorong kehadiran ramai pengemis di negeri ini. Pada masa sama, sikap mudah simpati orang ramai menyebabkan ada yang mengambil kesempatan dengan menjadikan kegiatan ini sebagai kerjaya, termasuk sindiket yang mengambil peluang dari keadaan ini.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan golongan ini di bandar raya ini adalah di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), di sini, serta Pasar Jawa di Klang, selain di bazar Ramadan yang banyak dibuka sempena Ramadan ini.

Seorang Pengawal Keselamatan yang bertugas di Kompleks PKNS, di sini, yang ingin dikenali sebagai Razali, 50, berkata, sudah bertahun beliau melihat aktiviti meminta sedekah di sekitar kompleks itu serta kawasan berhampiran.

"Saya pernah menahan beberapa peminta sedekah yang melakukan aktiviti berkenaan di sini, apabila kehadiran mereka menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan pengunjung. Apabila ditanya berapa pendapatannya setiap bulan, saya terkejut apabila diberitahu mereka boleh mendapat sehingga RM6,000.

Terbabit sendikit

"Paling sedikit pun, mereka mampu mendapat sekurang-kurangnya RM600 sehari. Sudah lama saya per-

hatikan peminta sedekah ini. Pada pandangan saya, kebanyakan mereka terbabit dengan sindiket kerana saya pernah melihat sebuah van menghantar dan menjemput mereka.

"Pada awal pagi, mereka akan diturunkan di perhentian bas berdekatan kompleks ini dan menjelang senja akan menaiki bas ke lokasi lain sebelum dijemput ahli sindiket," dakwanya ketika ditemui di kompleks berkenaan.

Razali berkata, walaupun sudah berulang kali ditahan pihak berkuasa, namun peminta sedekah ini tidak pernah serik dan tetap meneruskan kegiatan mengemis selepas dibebaskan.

Selain menimbulkan perasaan tidak selesa dalam kalangan pengunjung, Razali mendakwa berdasarkan pemerhatiannya, ada juga peminta sedekah yang melakukan jenayah kecil seperti menyeluk saku.

"Pihak pengurusan PKNS kini melarang mereka melakukan kegiatan ini di dalam kawasan kompleks serta bazar.

"Golongan ini selalunya memakai jubah dan berpurdah untuk menutup muka mereka. Mereka akan menyuruh kanak-kanak meminta sedekah daripada pengunjung seterusnya bertindak mengambil kesempatan mengambil barangan milik pengunjung kompleks tanpa disedari," dakwanya.